

03/08/1997

## Pakistan contohi kejayaan Malaysia

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Pakistan, Mohammad Nawaz Shariff, akan menjadikan Malaysia sebagai model untuk dicontohi berikutan kecemerlangannya dalam usaha mencapai status negara maju.

Menurutnya, beliau kagum dengan sikap dinamik, kerja keras, dedikasi dan berdisiplin rakyat negara ini menerusi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berjaya mengubah imej Malaysia.

"Sikap dedikasi dan kerja keras itu kini menyaksikan Malaysia boleh dijadikan model terbaik untuk dicontohi. Kami benar-benar kagum dengan perubahan begitu drastik yang dicapai oleh negara ini.

"Lawatan ini adalah satu pengalaman paling berharga. Kami berharap dapat menimba pengalaman daripada Malaysia, untuk membentuk Pakistan menjadi sebuah negara maju dan makmur," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (DPPKM), di sini, semalam.

Kira-kira 50 usahawan tempatan hadir majlis berkenaan, selepas menyertai seminar mengenai peluang pelaburan di Pakistan.

Nawaz, 46, berada di sini untuk lawatan rasmi tiga hari, dan ia adalah lawatan pertama bagi pemimpin itu ke negara Asia Timur selepas memegang semula jawatan berkenaan.

Beliau dipilih semula menjadi Perdana Menteri berikutan kemenangan Liga Muslim Pakistan pimpinannya pada pilihan raya Mac lalu.

Serentak dengan pertemuan itu, Nawaz menawarkan pelbagai insentif untuk menarik minat pelabur Malaysia membuat pelaburan di negara itu.

"Pakistan menawarkan begitu banyak kelebihan kepada pelabur Malaysia. Kami membenarkan pemilikan 100 peratus kepada pelabur asing dan mereka tidak perlu mendapat kebenaran kerajaan kecuali dalam empat industri.

"Sektor swasta digalakkan untuk membabitkan diri dalam revolusi industri, terutama dalam bidang telekomunikasi, tenaga, minyak dan gas, bank dan sektor pembuatan," katanya.

(END)